"MSM akan mempercepatkan program peningkatan eksport melalui pejabat dagangan di Dubai selain melaksanakan strategi menembusi pasaran baru
Mohamad Amri Sahari

HARIAN METRO

'Kami tetap bertahan'

■ *MSM komited kukuhkan pertumbuhan dalam pasaran kian mencabar*

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) komited untuk terus mengukuhkan pertumbuhan dalam pasaran bagi 2017 biarpun berdepan dengan pasaran yang mencabar.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Mohamad Amri Sahari berkata, keadaan pasaran yang mencabar pada 2016 masih berterusan namun pihaknya menjangkakan pertumbuhan akan perlahan pada awal tahun sebelum kembali meningkat sepanjang tahun ini.

"Walaupun operasi kami dipengaruhi kos yang tinggi termasuk penurunan nilai ringgit, namun kami tetap bertahan didorong oleh inisiatif pengurangan kos secara berkumpulan.

"MSM akan mempercepatkan program peningkatan eksport melalui pejabat dagangan di Dubai selain melaksanakan strategi menembusi pasaran baru dengan penambahan kapasiti bakal dihasilkan oleh kilang penapisan di Johor yang dijangka beroperasi pada suku pertama 2018," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mesyuarat agung tahunan MSM, semalam.

Hadir sama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELDA Global Ventures Berhad (FGV) Datuk Zakaria Arshad.

Menurutnya, mengenai kenaikan harga runcit gula, penggunaan dijangka kekal mendatar pada tahun kewangan 2017 dan menjadikan Malaysia sebagai antara negara kos gula bertapis termurah di rantau ini.

Katanya, pihaknya juga mensasarkan untuk mengembangkan pasaran eksport terutama ke Singapura, Indonesia dan Asia Barat.

IKON Ariani, Datuk Siti Nurhaliza (kanan) dan Duta Ariani, Bella Dally (kiri) melihat koleksi Ariani Luxe bersama Farah Haryani (dua dari kiri) pada majlis perlancaran Ariani Luxe di Wisma Jakel.

Tiga lagi cawangan Ariani Luxe dibuka

Kuala Lumpur: Ariani Textiles & Manufacturing (M) Sdn Bhd (Ariani), syarikat tekstil terkemuka tempatan merancang membuka tiga lagi cawangan baru bagi jenama terkini Ariani, Ariani Luxe dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengarah Pemasarannya Datin Farah Haryani Muhammad Philips berkata, dua cawangan di Shah Alam dan Bangi bakal dibuka dalam tempoh tujuh bulan akan datang manakala satu lagi cawangan di Senawang akan dibuka pada 2018.

"Secara am, cawangan Ariani Luxe akan dibuka di cawangan Jakel di mana ia memiliki keluasan yang sudah ditetapkan iaitu melebihi 1,000 kaki persegi," katanya kepada Bisnes Metro pada majlis pelancaran jenama dan cawangan Ariani Luxe pertama.

Ariani Luxe adalah sub-jenama Ariani yang menghimpunkan koleksi hijab premium rekaan pereka berkemahiran dan berpengalaman dengan sentuhan artisan menarik bagi mereka bentuk polar tudung dengan perincian eksklusif.

FAKTA
30 helai tudung eksklusif dengan empat rekaan dan empat warna dikeluarkan ditawarkan pada harga RM139

Koleksi Ariani Luxe adalah definisi baru bagi pelanggan yang menggemari koleksi edisi terhad kerana ia menampilkan rekaan hijab premium dengan gabungan warna terang, jalinan sulaman renda berseni dan sentuhan Swarovski koleksi istimewa.

Beliau berkata, pihaknya hanya mengeluarkan sebanyak 30 helai tudung eksklusif dengan empat rekaan dan empat warna yang ditawarkan pada harga RM139 untuk permulaan bergantung kepada jenis dan rekaan tudung.

Menurutnya, pihaknya tidak menetapkan sebarang sasaran bagi koleksi Ariani Luxe namun yakin ia akan mendapat sambutan kerana menawarkan kualiti fabrik terbaik dengan kombinasi warna, material dan cetakan lebih unik, moden serta elegan.

"Kami tahu ramai individu pada masa kini rela berbelanja lebih untuk koleksi seperti ini, ditambah ia turut menerima sambutan positif daripada pembeli dalam kalangan individu ternama tanah air," katanya.

Shah Alam

Pasaran automotif catatkan peningkatan jualan 7.3 peratus

Pasaran automotif negara mencatatkan peningkatan jualan 7.3 peratus pada suku tahun pertama tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Presiden Persatuan Automotif Malaysia (MAA) Datuk Aishah Ahmad berkata, ia satu perkembangan positif dengan sasaran awal hanya sekitar 1.7 peratus terhadap industri kenderaan di negara ini yang mengalami penurunan ketara pada tahun lalu.

"Pemain industri berusaha keras dengan pelbagai tawaran dan insentif untuk pembeli selain faktor pengurangan cukai daripada kerajaan untuk kenderaan cekap tenaga (EEV) dan hibrid menyumbang kepada pertumbuhan ini," katanya ketika ditemui media sempena Carlist.my MAA Drive, Test & Buy 2017, semalam.

AISHAH (tiga dari kiri) bersama Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Henry Sum Agong (dua dari kanan) menerima cenderahati daripada Ketua Pemasaran dan Komunikasi Volkswagen, Isabela Pascu (tiga dari kiri) sempena Carlist.my MAA Drive, Test & Buy 2017, semalam.

Beliau berkata, jumlah Jualan Keseluruhan Industri (TIV) sehingga Mac lalu berjumlah 140,839 unit daripada 131,251 unit dalam tempoh yang sama tahun lalu, sekali gus memberi keyakinan betapa industri pada tahun ini akan lebih baik dan ramalan pasaran akan dibuat semula pada pertengahan tahun.

Kuala Lumpur

PetChem catat keuntungan RM1.63 bilion pada suku pertama tahun ini

Petronas Chemicals Group Berhad (PetChem) mencatat keuntungan sebelum cukai lebih tinggi kepada RM1.63 bilion pada suku pertama berakhir 31 Mac 2017 daripada RM896 juta yang direkodkan pada tempoh sama 2016.

PetChem dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, semalam berkata, perolehan juga bertambah kepada RM4.69 bilion daripada RM3.14 bilion pada tempoh sama, susulan peningkatan harga produk purata yang ketara iaitu pada purata 22 peratus.

Selain itu, jumlah jualan lebih tinggi, harga yang memberangsangkan dan pengukuhan dolar Amerika Syarikat juga menyumbang kepada peningkatan perolehan.

Mengenai prospek, PetChem berkata, keputusan operasi syarikat dijangka terutamanya dipengaruhi keadaan ekonomi dunia, kadar penggunaan kemudahan pengeluaran dan harga produk petrokimia yang amat berkait rapat dengan harga minyak mentah khususnya bagi segmen olefin dan derivatif.

"Di samping itu, penggunaan kemudahan pengeluaran syarikat bergantung kepada aktiviti penyelenggaraan dan kesediaan mencukupi bahan mentah serta penawaran utiliti," katanya. - BERNAMA